

DAFLON 1000 mg tablet bersalut filem

micronised purified flavonoid fraction

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan DAFLON 1000MG
2. Bagaimana DAFLON 1000MG berfungsi
3. Sebelum mula menggunakan DAFLON 1000MG
4. Cara menggunakan DAFLON 1000MG
5. Semasa menggunakan DAFLON 1000MG
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan DAFLON 1000MG
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan DAFLON 1000MG

Ia disyorkan untuk:

- merawat simptom-simptom seperti kaki berasa berat, sakit, perasaan kaki tidak selesa pada awal pagi akibat penyakit vena kronik

- merawat simptom-simptom akibat serangan *haemorrhoidal* akut.

Jika masalah *haemorrhoidal* berterusan lebih dari 15 hari, ia adalah penting anda berjumpa dengan doktor anda.

Bagaimana DAFLON 1000MG berfungsi

Kelas Farmakoterapeutik:
Vasoprotectives/ Capillary stabilizing agents/ Bioflavonoids (C05CA53: Cardiovascular system)

Ubat ini adalah *venotonic* (ia meningkatkan *venous tone*) dan *vasculoprotector* (ia meningkatkan rintangan dalam saluran darah kecil).

Sebelum mula menggunakan DAFLON 1000MG

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengguna DAFLON 1000MG tablet bersalut filem:

Jika anda alah (hipersensitif) kepada *micronised purified flavonoid fraction*, atau mana-mana bahan lain dalam ubat (tersenarai di *Bahan-bahan kandungan*).

Sebelum menggunakan DAFLON 1000MG

Amaran dan langkah berjaga-jaga:

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengguna ubat ini.

Jika mengguna ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil, baru-baru ini mengambil atau akan mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi.

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda mengandung atau menyusukan anak, fikir anda mungkin mengandung atau merancang untuk mengandung, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini.

Mengandung

Sebagai langkah berjaga-jaga, ia adalah lebih baik untuk mengelak penggunaan DAFLON semasa kehamilan.

Menyusukan anak

Menyusukan anak tidak digalakkan untuk tempoh rawatan, kerana tiada data tentang ekskresi ubat ini ke dalam susu ibu.

Cara menggunakan DAFLON 1000MG

Sentiasa mengguna DAFLON 1000MG seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Semak dengan doktor atau ahli farmasi jika anda tidak pasti.

Berapa banyak harus digunakan & Bila perlu digunakan

- Penyakit vena kronik

Dos biasa adalah 1 tablet setiap hari, pada waktu pagi, semasa bersarapan

- Serangan *haemorrhoidal* akut

Dos biasa adalah 3 tablet setiap hari (dalam 3 dos berasingan) selama 4 hari dan kemudian 2 tablet setiap hari

(dalam 2 dos berasingan) untuk 3 hari berikutnya, pada waktu makan.

Menelan tablet dengan jumlah air yang mencukupi.

Berapa lama perlu digunakan

Teruskan mengguna DAFLON 1000MG selama doktor anda mengesyorkan.

Jika terlupa menggunakan

Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

Jika anda mempunyai sebarang soalan lanjut mengenai penggunaan ubat ini, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Jika anda telah mengambil berlebihan DAFLON 1000MG tablet bersalut filem daripada yang diarahkan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Pengalaman dos terlebih dengan DAFLON adalah terhad, tetapi adalah dilaporkan simptom-simptom seperti cirit-birit, mual, sakit perut, *pruritus* dan ruam.

Semasa menggunakan DAFLON 1000MG

Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa mengguna ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengguna DAFLON 1000MG.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Ubat ini telah dipreskripsikan untuk anda. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain. Ia boleh membahayakan mereka, walaupun simptom-simptom mereka adalah sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika mana-mana kesan sampingan bertambah teruk atau berterusan, atau jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, DAFLON 1000MG boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya.

Frekuensi kesan-kesan sampingan yang tertera di bawah ditakrifkan mengikut system berikut:

- sangat biasa (boleh menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang)
- biasa (boleh menjejaskan 1 sehingga 10 dalam 100 orang)
- luar biasa (boleh menjejaskan 1 sehingga 10 dalam 1000 orang)
- jarang (boleh menjejaskan 1 sehingga 10 dalam 10,000 orang)
- sangat jarang (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10,000 orang)
- frekuensi tidak diketahui (tidak boleh dianggarkan dari data yang sedia ada)

Mereka mungkin termasuk:

Biasa: cirit-birit, dispepsia (pencernaan yang sukar), rasa loya, muntah-muntah.

Luar biasa: *colitis* (keradangan usus besar).

Jarang: rasa pening, sakit kepala, kelesuan, ruam, *pruritus*, *urticaria*.

Frekuensi tidak diketahui: sakit perut, edema (kebengkakan) muka bibir, kelopak mata. *Exceptionally*: *Quincke's* edema (kebengkakan muka, bibir, mulut, lidah atau tekak yang boleh menyebabkan kesesakan nafas).

Melaporkan kesan sampingan

Jika anda mendapat sebarang kesan sampingan, berbincanglah dengan doktor atau ahli farmasi anda. Ini termasuklah sebarang kesan sampingan yang mungkin tidak disenaraikan di dalam risalah ini. Anda juga boleh melaporkan kesan sampingan melalui sistem pelaporan kebangsaan. Dengan melaporkan kesan sampingan anda boleh membantu memberi maklumat mengenai keselamatan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF or Vaccines (AEFI))*).

Cara penyimpanan dan pelupusan DAFLON 1000MG

Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh dari penglihatan dan pengcapaian kanak-kanak. Jangan guna ubat ini selepas tarikh luput yang dinyatakan pada kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Simpan dalam pembungkusan luar yang asal.

Ubat ini tidak memerlukan keadaan penyimpanan khas.

Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Sila tanya ahli farmasi bagaimana untuk membuang ubat-ubatan anda yang tidak lagi digunakan. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk:

DAFLON 1000MG tablet adalah tablet berwarna salmon, berbentuk bujur, bersalut filem, dengan garisan skor pada kedua-dua permukaan tablet. Garisan skor hanya untuk memudahkan pemecahan tablet bagi memudahkan penelanan tablet, dan tidak bertujuan untuk membahagikan tablet kepada dos yang sama.

10 dan 30 tablet bersalut filem dalam blister (PVC-Aluminium).

Bukan semua saiz bungkusan akan dipasarkan.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif adalah:

Micronised purified flavonoid fraction1000mg
bersamaan dengan:

Diosmin: 90 peratus900mg

Flavonoids dinyatakan sebagai *hesperidin*: 10 peratus100mg

Kelembapan *mean*40mg
Untuk satu tablet bersalut filem.

Bahan-bahan lain adalah:

Sodium starch glycolate, microcrystalline cellulose, gelatine, magnesium stearate, talc.

Salut filem: *titanium dioxide (E 171), glycerol, sodium lauryl sulphate, macrogol 6000, hypromellose, yellow iron oxide (E 172), red iron oxide (E 172), magnesium stearate.*

MAL nombor:

MAL 18116050X

Pengilang

Les Laboratoires Servier Industrie
905, route de Saran
45520 Gidy
France

Pemegang pendaftaran produk

Servier Malaysia Sdn Bhd
Unit No.25-02, Level 25, Imazium
No.8, Jalan SS21/37, Damansara
Uptown
47400 Petaling Jaya, Selangor Darul
Ehsan

~~No 2 Jalan SS 21/37,
Damansara Uptown
47400 Petaling Jaya
Selangor~~

Tarikh kemaskini RiMUP

~~13 Ogos 2021~~ 17 Nov 2023 May 2022

No. Siri

NPRA (R2/2) 210811/726